

30 MAR 2001

Fauzi-Surat

FAUZI SERAH SURAT LETAK JAWATAN WAKIL RAKYAT BESERAH

KUANTAN, 30 Mac (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman meletak jawatan sebagai wakil rakyat berkuatkuasa hari ini.

Surat peletakan jawatannya itu diserahkan oleh Noor Ferizli Nordin, setiausaha khas beliau kepada Samsuddin Nawawi, setiausaha politik kepada Menteri Besar, di kediaman Fauzi di Bandar Indera Mahkota di sini pada 3 petang tadi.

Surat itu dialamatkan kepada Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang bagi menyatakan hasrat Fauzi untuk mengosongkan kerusi Beserah yang dimenangnya pada pilihan raya umum 1999.

Semalam, Fauzi berkata tindakannya untuk melepaskan kerusi itu dibuat setelah majoriti cawangan Umno di Beserah tidak mencalonkan beliau untuk mempertahankan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Kuantan pada pemilihan bulan depan.

Beliau hanya menerima pencalonan daripada sembilan cawangan berbanding 29 yang diterima oleh Naib Ketua Bahagian Datuk Faisal Abdullah dan 20 pencalonan oleh Timbalan Ketua Bahagian Datuk Wan Adnan Wan Mamat.

Menurut sumber, daripada sembilan cawangan yang mencalonkan beliau, enam adalah dari Beserah iaitu Sungai Ular, Batu Hitam, Sungai Karang Darat, Sungai Karang Pantai, Galing Besar dan Beserah Selatan Baru. Terdapat 20 cawangan dalam kawasan Beserah.

Sebanyak 58 daripada 65 cawangan Umno di bahagian Kuantan sudahpun mengadakan mesyuarat masing-masing.

Semasa ditemui pemberita di rumahnya, Fauzi berkata peletakan jawatannya itu bukan disebabkan pencalonan yang tidak cukup bagi membolehkannya mempertahankan jawatan Ketua Bahagian tetapi kerana beliau merasakan tidak perlu kekal sebagai wakil rakyat memandangkan kawasan yang diwakilinya sendiri tidak mahu beliau terus menerajui Bahagian Kuantan.

Diminta mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar anggota-anggota Umno yang tidak mendapat cukup pencalonan supaya menerima hakikat itu, Fauzi berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri itu.

"Saya setuju cakap PM itu, yang tak dapat cukup pencalonan tidak usah membuat masalah kepada parti. Saya tak buat masalah kepada parti. Saya berundur, ia bukannya masalah kepada parti, parti boleh memilih orang yang lebih baik," kata Fauzi yang mula menjadi pemimpin di Bahagian Kuantan pada usia 26 tahun pada 1973 dengan menjadi naib ketua.

Semasa ditanya tentang kehadiran beberapa anggota Pas di rumahnya termasuk Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, Fauzi berkata rumahnya itu dikunjungi ramai orang termasuk yang tidak menganggotai mana-mana parti politik untuk mendengar sendiri cerita daripadanya.

Pegawai Pilihan Raya Negeri Pahang Muhammad Safian Ismail ketika dihubungi Bernama berkata kawasan Beserah masih mempunyai wakil rakyat kerana Suruhanjaya Pilihan Raya belum menerima laporan rasmi mengenai kekosongan kerusi itu.

Mengikut undang-undang, wakil rakyat yang berhasrat untuk mengosongkan kerusinya perlu menghantar surat peletakan jawatan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri yanga kemudian akan melaporkan secara rasmi kepada SPR Negeri mengenai kekosongan itu dalam masa tiga hari dan pilihan raya kecil

perlu diadakan dalam masa 60 hari.

Muhammad Safian berkata beliau akan memaklumkan kepada ibupejabat SPR di Kuala Lumpur dalam tempoh 24 jam selepas menerima laporan daripada Speaker.

Mengikut daftar pemilih rasmi yang dikeluarkan pada November lepas, kawasan Beserah mempunyai 23,790 pengundi berdaftar.

Pada pilihan raya umum lepas, Fauzi menewaskan calon Pas Mohd Yusof Ibrahim dengan majoriti 985 undi.

-- BERNAMA
ROS HIS MAI